

18/11/1997

Pasukan khas awasi peniaga patuhi syarat

SIK, Isnin - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sudah menubuhkan pasukan khas bagi mengawal harga barangan dan perkhidmatan di Langkawi sempena Pertunjukan Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima '97), Disember ini.

Pasukan itu yang diketuai Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Mohd Noor Abdul Rahim akan memastikan peniaga di pulau itu tidak menaikkan harga barangan dan perkhidmatan terlalu tinggi hingga membebankan pengguna.

Selain memastikan bekalan bahan makanan mencukupi sepanjang Lima '97, pasukan itu juga akan memastikan peniaga mematuhi pelbagai syarat penjualan barangan atau penawaran perkhidmatan.

Kegagalan peniaga mematuhi syarat itu akan menyebabkan mereka terpaksa berhadapan dengan tindakan tegas kementerian.

Menterinya, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub berkata, pelbagai bahan makanan kini sedang dibawa sama ada dari Kuala Kedah atau Kuala Perlis ke Langkawi bagi memastikan bahan makanan sentiasa mencukupi.

"Kita sudah menubuhkan pasukan khas mengawal harga barangan di Langkawi sempena Lima '97 yang diketuai Ketua Setiausaha kementerian... pasukan ini bertanggungjawab memastikan peniaga tidak menaikkan harga barangan atau perkhidmatan sesuka hati.

"Kementerian menetapkan beberapa syarat tertentu kepada peniaga dan mereka yang didapati tidak mematuhi akan dikenakan tindakan tegas," katanya selepas merasmikan Hari Graduasi dan Ekspo Sekolah Menengah Kebangsaan Sik, di sini, hari ini.

Bagaimanapun, katanya, pengguna tidak seharusnya menganggap harga bahan makanan di Langkawi sama seperti di tanah besar berdasarkan kos pengangkutan bahan makanan yang terpaksa ditanggung peniaga.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas amaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada peniaga di Langkawi supaya tidak menaikkan harga makanan dan perkhidmatan sesuka hati ketika Lima '97, selama enam hari, bermula 2 Disember ini.

(END)